

ISLĀMIYYĀT 40(2) 2018: 179 - 187<https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2018-4002-10>

Tinjauan Kajian-kajian Terawal Mengenai *Wahdat al-Adyan* (Kesatuan Agama-agama)

A Review of Early Literatures on *Wahdat al-Adyan* (Unity of Religions)

YUSRI MOHAMAD RAMLI
MOHD SYUKRI YEOH ABDULLAH

ABSTRAK

Kepelbagaian agama adalah salah satu wacana masa kini yang cukup menarik untuk diteliti. Bukan hanya dengan pandangan-pandangan kontroversi para sarjana bidang ini yang dibangkitkan bagi membina naratif dalam menjelaskan hakikat ini, ia turut dikaitkan dengan kelompok para Sufi, bahkan lebih daripada itu, dikatakan bersusur galur daripada pemikiran mereka. Walau apa jua pandangan yang ingin dikemukakan oleh mana-mana pihak, adalah suatu fakta yang sukar untuk dinafikan bahawa dalam kalangan umat Islam, malah dalam kalangan mana-mana penganut agama, hanya tokoh-tokoh Sufi menjadi satu-satunya kumpulan yang melontarkan konsepsi mereka secara mapan dan berterusan mengenai kepelbagaian agama. Lalu, tidak menghairankan bila mana ungkapan-ungkapan ekstravaganza mereka sering dikutip bagi menyokong mana-mana konsepsi yang cuba diketengahkan pada masa kini. Perhatian para sarjana mengenai gagasan para Sufi tentang wahdat al-adyan atau kesatuan antara agama ini bukanlah perkara yang baharu, bahkan telah lama didahului melalui pelbagai pengkajian. Berasaskan hakikat ini, artikel ini mengemukakan hasil tinjauan yang dilakukan dengan merumus dan mensintesis segala perhatian dan pandangan pengkaji terdahulu mengenai isu ini. Untuk tulisan ini, usaha ke arahnya dimulakan dengan kajian-kajian terawal yang dirintis oleh para sarjana yang menyinggung mengenai hal ini sebelum dilanjutkan kajian-kajian terkemudian dalam ruang penulisan yang lain pada kesempatan yang akan datang. Selain menjadi paparan sebahagian hasil dapatan penyelidikan peringkat kedoktoran yang mencermati topik ini, coretan ini juga diharapkan dapat menjadi batu loncatan yang menyokong kajian-kajian mendatang dalam menghasilkan dapatan baru dalam wacana kesarjanaan mengenai wahdat al-adyan.

Kata kunci: Hubungan antara agama; kepelbagaian agama; kesatuan agama-agama; wahdat al-adyan; tasawuf

ABSTRACT

Religious pluralism is one of the current discussions that deserves attention. Despite controversial views from experts on this field in constructing their narrative that describes this phenomenon, it could not escape from the idea that it is related to or even originated from the Muslim Sufis. Whatever standpoint might interest any, it would be no doubt that the Sufis is the only Muslim group within and without that firmly and consistently expound their conception on religious plurality. It is not surprised to see many of their extravagant utterances oftenly quoted to gain support and recognition for any current thought and supposition. It is actually has been quite a while that this Sufi conception that also known as wahdat al-adyan or the unity of religions attracted a kind of interest from scholars of Sufism. This article therefore attempts to review their works that relevant to the conception. In this article, the focus will be solely directed to the early literatures whereas contemporary discussion will be continued by another forthcoming article in the future. Apart from being a glimpse of exposition for my doctoral research, this piece of writing aimed to be one of the stepping stones to the further studies in this area.

Keywords: Interfaith relations; religious pluralism; sufism; unity of religions; wahdat al-adyan

PENGENALAN

Dalam meninjau singgungan ulama Islam mengenai kepelbagaian agama, tokoh-tokoh bidang Tasawuf yang juga disebut sebagai golongan Sufi dilihat sebagai satu-satunya kelompok dalam kalangan Muslim yang mengutarakan pandangan mengenai hakikat kepelbagaian agama secara menyeluruh. Ini tidak menghairankan kerana perbincangan kerohanian

adalah suatu ruang lingkup yang merentasi pelbagai kebudayaan dan peradaban dengan setiap kepercayaan keagamaan sudah pastinya terkait. Namun, adalah suatu perkara yang menarik apabila pandangan jagat mengenai kepelbagaian agama tidak pula timbul dalam spektrum pemikiran agama-agama tersebut melainkan hanya dalam Islam. Ini diperkukuh dengan kenyataan bahawa al-Quran yang menjadi pengangan umat Islam adalah satu-satunya kitab suci agama

yang membicarakan mengenai agama-agama lain sehingga hakikat ini mendorong kepada munculnya ilmu Perbandingan Agama yang dipelopori oleh sarjana-sarjana Muslim dalam kalangan sejarawan, mutakallimun, ahli tafsir, ahli feqah, dan sebagainya. Walau bagaimanapun, seperti yang dinyatakan, hanya golongan Sufi yang melontarkan konsepsi mengenai kepelbagaian agama.

Gagasan para Sufi mengenai kepelbagaian agama pada dasarnya bukanlah suatu cetusan idea bagi semata-mata menanggapi fenomena tersebut. Sebaliknya, ia adalah suatu manifestasi yang lebih tinggi dan luas dalam pentawhidan kepada Tuhan secara tulus yang merangkumi seluruh aspek kehidupan termasuk agama dan kepelbagaian. Jika ditelusuri catatan sejarah mengenai para Sufi dalam hal ini, didapati bahawa unsur-unsur menanggapi kepelbagaian agama telah pun wujud sejak awal pembentukan disiplin ilmu Tasawuf melalui tokoh-tokohnya yang ditandai dengan muamalah dengan penganut pelbagai agama. Antaranya, ialah kisah mengenai Muhammad ibn Ya'qub, sahabat kepada Imam al-Harith ibn Asad al-Muhasibi (781-857M) yang bertemu dengan rahib Kristian:

Setelah meninggalkan Dimashq, aku telah pergi ke kawasan gurun. Tiba-tiba aku mendapati diriku sesat dalam kawasan gurun yang sunyi dan liar sehingga aku hampir-hampir nak mati. Ketika itu, aku terlihat dua orang rahib datang melalui berdekatan. Aku beranggapan bahawa mereka datang dari kawasan pekan berdekatan untuk kembali ke biara mereka yang pastinya tidak jauh dari situ. Aku mendekati mereka sambil berkata: "Ke mana kamu pergi?" Mereka menjawab: "Kami tidak tahu!" (Aku bertanya lagi:) "Adakah kamu tahu di mana kamu (dan kita) berada sekarang?" (Mereka menjawab:) "Ya, kami berada dalam kekuasaan-Nya, kerajaan-Nya, dan kehadiran-Nya!" Mendengar jawapan ini, aku mengherdik ego nafsuku dengan berkata kepada diriku: "Mereka berdua (yang bukan Muslim) telah mencapai tawakal sedangkan kamu sendiri (yang Muslim) tidak" (Abu Nu'aym 1996, Jil. 10: 288-298).

Kisah-kisah seumpamanya banyak disebutkan dalam pelbagai *manaqib* dan riwayat para Sufi yang memberi gambaran bagaimana keterbukaan dan hubungan baik yang ditonjolkan oleh para Sufi dengan penganut pelbagai agama. Namun, rintisan pengutaraan secara falsafah terhadap konsep kepelbagaian agama secara bertulisnya dapat dinisbahkan kepada Shaykh al-Husayn bin Mansur al-Hallaj (858-922M), tokoh Sufi yang diingati melalui penyalibannya dan ungkapan *shatahatnya*. Beliau mengungkapkan beberapa pernyataan termasuk kata-katanya yang paling masyhur: "Iman dan kufur hanya berbeza pada nama, adapun pada hakikatnya tidak ada perbezaan antara kedua-duanya" (al-Hallaj Dlm. Massignon & Kraus 1936: 53). Demikian

juga katanya: "Dan ketahuilah bahawa agama Yahudi, Kristian, Islam dan agama-agama lain hanyalah panggilan dan nama yang berbeza sahaja, sedangkan maksud daripadanya tidak berbeza." Beliau kemudiannya menitipkan:

Aku telah mengamati mengenai agama-agama dengan mendalam, maka aku temukan bahawa agama mempunyai satu asal yang mempunyai cabang-cabang yang pelbagai. Oleh itu, kamu tidak sepatutnya menyeru (dengan memaksa) seseorang untuk menganut mana-mana agama, (kerana) maka sesungguhnya ia akan mengekangnya dari mencapai ikatan (akidah) yang kukuh. Dan sesungguhnya, (hendaklah) menyerunya (kepada) yang asal tersebut (dengan) menjelaskan kepadanya seluruh ketinggian dan makna, maka nescaya ia akan memahaminya (al-Hallaj Dlm. Massignon & Kraus 1936: 69-70).

Gagasan ini kemudiannya diperkembang dengan lebih kemas dan terperinci oleh tokoh besar Tasawuf, Shaykh Muhyi al-Din Ibn 'Arabi (1162-1240M). Bait syair dari *Tarjuman al-Ashwaq* ini adalah antara ungkapan beliau yang sering dipetik dalam banyak tulisan sejak dahulu hingga kini (Nicholson 1911: iii; Schimmel 1982: 38-39) mengenai pandangan para Sufi terhadap kepelbagaian agama:

لَقَدْ صَارَ قَلْبِي قَابِلًا كُلِّ صُورَةٍ فَمَزَّعَى لِعِزِّ لَانَ وَدَيْرٍ لِرُهْبَانِ
وَبَنِيَّتٍ لِأَوْثَانٍ وَكَغَبَةٍ طَائِفٍ وَالْأَوَاخِ تَوَرَّاتٍ وَمَصْحَفٍ قُرْءَانِ
أَدِينُ بَدِينِ الْحُبِّ أَنَّى تَوَجَّهْتُ رَكَابِيهِ قَالِدَيْنِ دِينِي وَإِيمَانِي

Sesungguhnya hatiku telah mampu menerima apa jua rupa bentuk, sama ada ia adalah padang ragut kijang-kijang dan biara rahib-rahib Kristian, rumah berhala-berhala dan Ka'bah para pentawaf, lembaran-lembaran Taurat dan Mashaf al-Qur'an, aku beragama dengan agama cinta, ke mana sahaja cinta membawaku aku mengikutinya, maka agama cinta adalah agamaku dan kepercayaanku (Ibn 'Arabi 2005: 62).

Perkembangan selanjutnya memperlihatkan bahawa pandangan para Sufi akhirnya menjadi suatu gagasan tersendiri yang berkembang dalam kelompok tokoh-tokoh Sufi. Dari sudut penamaan, tokoh-tokoh Sufi tidak memberikan istilah tertentu bagi merujuk kepada gagasan ini. Ia sebaliknya adalah sebahagian daripada ekspresi pentawhidan kepada Allah. Namun, terma *wahdat al-adyan* atau 'kesatuan antara agama' sebagai istilah teknikal bagi merujuk kepada pemikiran para Sufi ini mula digunakan secara bertulis oleh al-Biqā'i (1980: 99-100, 111, 126, 240-242) dalam kritiknya yang panjang lebar terhadap pemikiran Ibn 'Arabi dan Ibn al-Farid. Ia kemudiannya menjadi nama yang masyhur bagi pemikiran ini dalam kalangan penyokong mahupun penentangannya walaupun hakikatnya para Sufi tidak pernah menamakannya (Surur 1969: 216-219; al-Shibi 1974; al-Wakil 1984: 93-98; 2010, Jil 1: 338-350; Diwan 2009: 72, 89-90). Secara umumnya,

wahdat al-adyan merupakan konsepsi tersendiri para Sufi terhadap kepelbagaian agama yang merujuk kepada pandangan mereka mengenai agama-agama dari sudut kewujudannya dan kepelbagaian yang merangkumi aspek-aspek kesatuan dan keberagaman dalam hubungan antara umat beragama secara falsafah dan sosial.

Pemikiran *wahdat al-adyan* para Sufi ini telah menarik minat pelbagai pengkaji pada masa kini walaupun sebelum ini perhatian secara khusus terhadapnya sebagai suatu gagasan tersendiri belum pernah dilakukan. Sentuhan para Sufi mengenai kepelbagaian agama ini sebagai suatu coretan daripada sistem pemikiran Tasawuf yang lebih luas. Ini sedikit sebanyak menyebabkan perhatian kebanyakan para sarjana sehingga saat ini masih belum menjurus secara terperinci dalam meneliti mengenai hal ini. Oleh yang demikian, adalah perlu satu tinjauan dilakukan terhadap kajian-kajian lepas mengenainya bagi mendapatkan gambaran dan latar belakang terhadap pewacanaan para sarjana mengenai perkara ini. Tinjauan yang dilakukan dengan pengulasan dan penilaian secara kronologi terhadap literatur terpilih ini diharapkan dapat menjadi suatu tapak asas terhadap perkembangan lebih terperinci dan mendalam mengenai pemikiran para Sufi ini khususnya dalam mendepani cabaran kehidupan kini yang semakin penuh dengan interaksi kepelbagaian dalam segenap sudut termasuk kehidupan beragama.

KAJIAN-KAJIAN TERAWAL MENGENAI WAHDAT AL-ADYAN

Dalam perkembangan pengkajian ilmiah pada zaman moden, perhatian terhadap gagasan *wahdat al-adyan* yang dikemukakan oleh para Sufi dapat dikatakan bermula seiringan dengan keperihatinan yang ditunjukkan oleh para pengkaji khususnya daripada Barat terhadap agama Islam itu sendiri. Kemunduran peradaban Islam dan penjajahan kuasa Barat pada zaman moden menyebabkan kegiatan keilmuan umat Islam hanya terhad dalam aspek pendidikan yang meneruskan kelangsungan legasi para ulama silam, dan sangat kurang melibatkan lapangan penyelidikan sebagaimana pada zaman pertengahan. Justeru, kebanyakan pengajian Islam pada zaman moden khususnya pada zaman kemuncaknya iaitu kurun ke-19M hingga 20M banyak digerakkan oleh para sarjana Barat. Para sarjana Barat yang mengkaji peradaban Timur lazimnya dikaitkan dengan kuasa-kuasa penjajah yang mempunyai matlamat untuk mengenali dan memahami penduduk-penduduk di tanah jajahan

mereka bagi memudahkan tujuan penjajahan (Ernst 1997: 1-18). Golongan pengkaji dalam pelbagai bidang termasuk agama, budaya, sejarah, bahasa, sosiologi, antropologi, dan sebagainya pada era ini disebut sebagai orientalis yakni golongan yang mengkaji mengenai Timur yang merupakan suatu bentuk gaya akademik dan penggolongan kumpulan sarjana yang mengkaji apa-apa mengenai Dunia Timur yang dianggap asing bagi Dunia Barat. Walaupun ia tidak dapat dipisahkan daripada matlamat politik, ekonomi, agama, sikap berat sebelah, dan kecenderungan subjektif sebagaimana kritikan para sarjana khususnya oleh Edward Said (1935-2003M) (1979), namun tidak dapat dinafikan bahawa wujudnya kekaguman yang ditonjolkan oleh para Orientalis ini terhadap penemuan-penemuan mereka di Timur selaras dengan pandangan awal mengenai Timur yang telah terlebih dahulu wujud di Barat secara berkesinambungan daripada pandangan jagat pada zaman Abad Pertengahan yang dikaitkan dengan kawasan penuh keindahan, misteri, keajaiban, dan peradaban. Salah satu perkara yang menarik perhatian mereka dalam agama Islam ialah Tasawuf. Lalu tidak menghairankan apabila Reynold A. Nicholson (1868-1945M) (1911) dalam penelitiannya terhadap *Tarjuman al-Ashwaq* karya Ibn ‘Arabi, menganggapnya mempunyai banyak pemikiran yang menerjah akal dan keindahan yang mengasyikkan. Salah satu perkara yang paling menakjubkan ialah bagaimana pandangan toleransi beragama tahap tertinggi yang ditonjolkan oleh para Sufi. Walau bagaimanapun, adalah perlu dinyatakan bahawa pada tahap ini, istilah *wahdat al-adyan* hampir tidak diketahui atau digunakan oleh para orientalis bagi merujuk kepada gagasan ini dan mereka hanya menyandarkannya sebagai pemikiran para Sufi. Dalam pengenalannya, Nicholson (1911: iii, 19, 67) menukilkan kata-kata Ibn ‘Arabi (2005: 62) “*Sesungguhnya hatiku telah mampu menerima apa jua rupa bentuk...*” yang dinyatakannya sebagai sering diungkap dalam pengkajian agama yang menonjolkan pemikiran para Sufi bahawa semua jalan menuju kepada Tuhan Yang Satu. Sikap bertoleransi para Sufi ini bukanlah suatu yang mengejutkan, kerana sarjana Barat sendiri telah sedia awal mengkagumi sifat toleransi Islam secara keseluruhannya sebagaimana pandangan Edward Gibbon (1737-1794M) (1788: Jil. 5, 170-391) yang melihat Islam sebagai agama yang sangat toleran seperti yang ditunjukkan oleh sirah Nabi Muhammad (SAW) dan para sahabatnya, bahkan jauh lebih baik berbanding orang-orang Kristian yang dapat dilihat pada raja-raja dan paderi-paderi mereka.

Sarjana-sarjana Barat terawal yang mengkaji Tasawuf khususnya melalui karya-karya para Sufi didapati menyedari akan wujudnya gagasan kepelbagaian agama yang ditonjolkan oleh para Sufi. Walaupun dari sudut kepentingannya sebagai kajian yang menjurus boleh diabaikan, namun usaha-usaha ini yang menunjukkan keberadaan pemikiran Sufi tentang kesatuan antara agama tetap memainkan peranan sebagai batu loncatan kepada perhatian yang lebih meluas oleh para pengkaji berikutnya. Edward H. Whinfield (1836-1922M) sebagai contoh dalam kajiannya terhadap *Gulshan-i-Raz* karya Shaykh Mahmud Shabestari, menjelaskan bahawa Shabestari ada menerangkan mengenai hakikat agama-agama melalui syair yang disusun dalam bentuk soal jawab. Shabestari (t.th.: 55-56) menegaskan bahawa Allah menjadikan segalanya dan segalanya adalah manifestasi daripada-Nya termasuk berhala. Justeru segala apa yang disembah oleh manusia dari sudut hakikatnya adalah dari Allah jua walaupun secara zahirnya adalah suatu kesyirikan. Whinfield (1880: xv-xvi) melihat syair tersebut memberi suatu penjelasan mengenai sikap para Sufi yang bersedia mengakui dan menghargai apa-apa kebaikan dan kebenaran yang wujud dalam agama-agama lain termasuk Kristian, Majusi, malah agama penyembah berhala. Sikap toleransi tahap tertinggi yang ditunjukkan oleh para Sufi ini juga dalam masa yang sama tidak mengurang sedikit pun kesetiaan dan keimanan kepada agama yang dianuti bahkan mengukuhkannya lagi. Tambahan pula, Whinfield (1898) juga melakukan peringkasan dan penterjemahan terhadap *Masnavi* karya Jalal al-Din Rumi ke dalam bahasa Inggeris yang jelas mengandungi pernyataan dan bait mengenai *wahdat al-adyan*. Sedikit sebanyak idea tentang pemikiran para Sufi tentang kepelbagaian agama diakui keberadaannya oleh Whinfield (1898: 82-84, 139).

Charles E. Wilson (1858-1929M) (1910: Jil. 1, 149-158; Jil. 2, 221-232) juga telah membuat terjemahan dan ulasan terhadap buku kedua *Mathnavi*. Buku tersebut sebagaimana yang dinyatakan olehnya (Wilson 1910: Jil. 1, v-vi) adalah lanjutan daripada usaha James W. Redhouse (1811-1892M) (1881) yang telah menterjemahkan buku yang pertama. Ulasan beliau juga adalah bersandar kepada syarahan dan tafsiran yang telah dibuat oleh sarjana-sarjana Muslim dalam bahasa Turki, Parsi, Urdu, dan Arab. Dalam komentarnya terhadap kisah teguran Tuhan kepada Nabi Musa (a.s.) yang mengkritik seorang kafir yang berdoa kepada-Nya, Wilson (1910: Jil. 1, 152; Jil. 2, 224) menjelaskan pernyataan “Aku bebas dari segala kesucian dan kekotoran” membawa

maksud bahawa Tuhan tidak menjadi suci dengan doa dan pujian hambanya yang beriman dan tidak berkurang kesuciannya dengan doa dan pujian hambanya yang kafir. Juga pernyataan “Di dalam ka'bah tidak ada kiblat” membawa maksud bahawa pencinta Tuhan yang bersatu dengan Tuhan yang merupakan ka'bah yang sebenar tidak memerlukan kepada aturan agama, kerana aturan agama adalah jalan supaya dapat mencapai kesatuan tersebut (1910: Jil. 1, 154; Jil. 2, 225). Manakala ungkapan “Agama cinta adalah berbeza daripada sekalian agama, Tuhan ialah agamanya dan mazhab para pencinta-Nya” dijelaskan oleh Wilson (1910: Jil. 1, 154; Jil. 2, 225-256) sebagai bermaksud bahawa para pencinta Tuhan melihat Tuhan dalam segalanya termasuk dalam dirinya dan dalam semua agama, dan tidak melihat dan mengetahui melainkan hanya Tuhan. Ia tidak memerlukan aturan atau tuntutan agama, yang berpaksi pada akal fikiran, kerana ia melangkaui akal fikiran dalam cintanya kepada Tuhan dan telah mencapai kesatuan dengan Tuhannya.

Manakala, Edward G. Browne (1862-1926M) dalam membahaskan perkembangan sejarah kesusasteraan Sufi Parsi menjelaskan bahawa konsep kebenaran hakiki menurut para Sufi melangkaui sempadan ikatan kepercayaan dan jalan menuju kepada kebenaran tersebut adalah banyak. Beliau mengutip perkataan Hafiz al-Shirazi yang bermaksud: “*Apa jua rumah ibadat adalah lebih baik daripada sikap menyembah diri sendiri*” (Browne 1956: Jil. 2, 268). Kelihatannya, hampir keseluruhan pengkajian yang ada menyentuh mengenai gagasan *wahdat al-adyan* para Sufi ini amat berkait dengan penglibatan awal para orientalis dalam pengkajian mengenai Tasawuf yang bermula dengan penelitian terhadap bahan-bahan kesusasteraan merangkumi syair dan prosa yang dihasilkan oleh para Sufi khususnya dari Parsi yang diketahui banyak mengandungi pemikiran Tasawuf tahap tinggi. Melalui karya-karya ini yang difahami oleh para pengkaji ini hasil daripada pengkajian mereka sebagai mempunyai kedudukan istimewa dalam bidang Tasawuf, para sarjana Barat mula mengenal Tasawuf dan sekaligus mula mengetahui mengenai gagasan pemikiran mengenai kesatuan antara agama. Walaupun usaha para pengkaji dalam menggali gagasan ini pada peringkat ini sangat terhad, namun ia telah memberi satu cetusan baru dalam kalangan pengkaji mengenai pemikiran para Sufi tentang kepelbagaian agama.

Perkembangan berikutnya menyaksikan Reynold A. Nicholson (1868-1945M) menyentuh dengan lebih lanjut lagi mengenai gagasan kesatuan agama-agama para Sufi sebagaimana dijelaskan dalam *The*

Mystic of Islam. Dalam perbincangannya tentang makrifah, Nicholson (1914: 68-101) melihat bahawa makrifah para Sufi yang cenderung ke arah kesatuan berada dalam kedudukan yang bertentangan dengan ilmu agamawan yang cenderung melihat perbezaan. Ini kerana pentawhidan yang sebenar hendaklah menafikan sebarang bentuk pengakuan keberadaan selainnya. Ini seterusnya membawa kepada keadaan di mana para Sufi menafikan sebarang tuntutan dan peraturan keagamaan. Oleh yang demikian, beliau merumuskan bahawa para Sufi melihat bahawa semua agama adalah sama dengan tidak ada lebihnya satu agama berbanding yang lain. Ini kerana menurutnya Tuhan yang ingin dituju oleh semua manusia adalah sama dan satu. Bahkan, beliau turut berpandangan bahawa para Sufi adalah golongan pemikir bebas atau liberal kerana dilihatnya sebagai sering mengkritik syariah dan para ulamanya, sekaligus mengkritik agama Islam secara keseluruhannya. Walaupun boleh diakui bahawa idea-idea yang dinyatakan oleh Nicholson ini wujud dalam perbincangan para Sufi, namun untuk menerima bulat-bulat pandangan Nicholson ini sebagai suatu sistem pemikiran para Sufi yang anti agama, bebas, dan berpegang kepada asas plural dalam konsep kepelbagaian agama adalah tidak tepat. Meskipun pandangan yang dikemukakan oleh Nicholson ini agak mengelirukan, tetapi ia dilihat memberi pengaruh kuat kepada pengkaji-pengkaji Barat yang terkemudian dalam melihat pandangan Tasawuf mengenai kepelbagaian agama yang sebahagiannya akan dinyatakan dalam tulisan ini.

Nicholson (1911: iv-vii) dalam kajian dan sebahagian terjemahannya terhadap *Tarjuman al-Ashwaq* mengelaskan cetusan-cetusan pemikiran Ibn Arabi kepada tiga bentuk iaitu Tuhan dan alam, Tuhan dan manusia, dan agama. Dalam aspek agama yang merupakan gagasan *wahdat al-adyan*, Nicholson (1911: vi) menjelaskan bahawa Ibn Arabi melihat semua perkara adalah manifestasi daripada Dhat Tuhan. Justeru, semua objek termasuk bintang dan lembu boleh disembah. Oleh itu, semua agama dan kepercayaan hanya mengandungi sebahagian kebenaran. Walaupun rumusan Nicholson ini sedikit mengelirukan, namun ia berasaskan kepada kenyataan Ibn Arabi (2016: 113-114) dalam *Fusus al-Hikam* supaya tidak terikat dengan sesuatu kepercayaan dan mengkafirkan selainnya supaya tidak hilang kebaikan yang banyak dan ilmu pengetahuan. Nicholson (1911: vi) turut menjelaskan bahawa Ibn Arabi (2016: 113-114) melihat pertelingkahan mengenai agama adalah perkara yang sia-sia kerana semua pihak hanya akan memuji kepercayaannya sahaja dan menyalahkan yang lainnya. Sedangkan Dhat Tuhan tidak berubah

dan tidak boleh berubah dengan banyaknya bentuk pengamalan agama (Ibn Arabi 2005: 65; Nicholson 1911: vi, 19-20, 70, 71). Bahkan Ibn Arabi (2005: 65), kata Nicholson (1911: vi, 19-20, 70, 71), cuba mengharmonikan antara Islam dan Kristian dengan katanya bahawa kepercayaan Trinitas pada dasarnya adalah Tawhid. Nicholson (1911: vii, 19, 67, 69-70) merumuskan bahawa Ibn Arabi (2005: 62; 2016: 114) melihat Islam sebagai agama kasih sayang dan kasih sayang Tuhan adalah tidak terbatas, baik kepada Muslim mahupun kafir yang mengadu kepada-Nya bagi memenuhi keinginannya. Malah orang-orang kafir yang jika dikekalkan selamanya dalam api neraka juga sekurang-kurangnya dalam menerima seksaan mereka akan mendapat rahmat dan kasih sayang-Nya. Nicholson (1911: 69) memetik penjelasan Ibn Arabi (1313H: 40) bahawa tiada agama yang lebih unggul daripada agama yang berasaskan cinta dan kerinduan kepada Tuhan yang disembah dan dipercayai. Hakikat ini adalah khusus bagi umat Nabi Muhammad (SAW) kerana kedudukan cinta yang sempurna atau kekasih dianugerahkan kepada Nabi Muhammad (SAW) berbanding nabi-nabi yang lain. Nukilan Nicholson terhadap pernyataan Ibn Arabi ini membuktikan bahawa beliau menyedari bahawa Ibn Arabi tidak hanya semata-mata menekankan nilai inklusif Islam, bahkan juga nilai eksklusifnya. Hal ini jika dibandingkan dengan penjelasannya dalam *The Mystic of Islam*, dilihat agak bertentangan yang berkemungkinan atas kekeliruan dan kefahaman yang belum mantap dalam pengkajiannya yang masih belum mendalam.

Di samping itu, pengkajian Nicholson terhadap karya al-Jili, *al-Insan al-Kamil* turut mengulas mengenai pemikiran al-Jili tentang *wahdat al-adyan*. Ulasan Nicholson (1967: 130-142) yang dimuatkan dalam *Studies in Islamic Mysticism* memberi penjelasan tentang pemikiran al-Jili yang dapat mewakili sekalian Sufi tentang kesatuan agama-agama yang berakar umbi daripada pemahaman terhadap Sifat-sifat Tuhan. Namun pandangan Nicholson yang mengaitkannya sebagai berasal daripada pemikiran Kristian mengenai Trinitas adalah sangat tidak munasabah. Walau bagaimanapun, dapat diperhatikan dalam rumusannya bahawa beliau mengakui bahawa al-Jili memberikan penjelasan yang mengimbangi antara nilai kesatuan antara agama dan perbezaan yang wujud antaranya dengan jelas mengakui bahawa Islam adalah agama yang tertinggi walaupun semua agama adalah daripada Tuhan jua. Hakikat ini mungkin sedikit sebanyak menunjukkan bahawa pandangan Nicholson tidak statik dan dalam masa yang sama berkembang dalam proses memahami

gagasan Sufi ini. Walau bagaimanapun, kritikan terhadap pandangan Nicholson tidak menafikan usaha beliau yang wajar dihargai dalam mengembangkan perhatian terhadap gagasan *wahdat al-adyan*.

Ignaz Goldziher (1850-1921M) tokoh besar orientalis yang bukan sahaja dihormati kesarjanaannya oleh kalangan sarjana Barat, bahkan juga sarjana Muslim juga ada memberikan perhatian terhadap gagasan *wahdat al-adyan* ini dengan menjelaskan bahawa Tasawuf membawa kepada hakikat ilmu yang tertinggi sehingga mengakibatkan perbezaan pegangan keagamaan bukanlah suatu sesuatu yang dapat dikaitkan dengan kebenaran yang benar-benar suci. Dalam kerangka hakikat keilmuan Tasawuf, pencarian Tuhan melangkaui sempadan kepelbagaian rumah ibadat, kepercayaan, dan amalan yang hanya dilihat sebagai penghalang kepada hakikat yang sebenar. Oleh itu, para Sufi cenderung untuk bersikap objektif dan merobohkan sempadan agama dengan melihat bahawa semua manusia mempunyai peluang yang sama dalam perjalanan menuju Tuhan sehingga ia menjadi piawai umum dalam keberagamaan. Namun adalah perlu difahami bahawa ini tidak sedikit pun mengurangkan keyakinan dan penghormatan tinggi para Sufi terhadap Islam. Cuma, bagi mereka pentawhidan kepada Tuhan pasti menzahirkan penyatuan segenap manusia dalam perjalanan pengesaan Tuhan kerana kebenaran sejati adalah tidak terkait dengan kumpulan atau individu (Goldziher 1981: 151-153). Goldziher (1981: 151, 152) dengan jelas menyatakan bahawa rujukan beliau dalam memahami pemikiran *wahdat al-adyan* dalam bentuk plural adalah daripada Browne (1956: Jil. 2, 268) dan Nicholson (1914: 87). Beliau juga kelihatannya senada dengan Nicholson dalam melihat Tasawuf sebagai anti syariah dengan melihat bahawa tanggapan sedemikian adalah daripada kelompok Muslim sendiri khususnya Ibn Taymiyyah yang dikenali sebagai pengkritik Tasawuf (Goldziher 1981: 151, 152). Walaupun Goldziher banyak bergelumbang dalam pelbagai disiplin ilmu pengajian Islam sehingga dianggap sebagai Bapa Pengajian Islam pada zaman moden, namun ulasan-ulasan Goldziher mengenai gagasan Sufi ini kelihatannya masih berasaskan penelitian yang tidak menyeluruh dan tidak mendalam serta hanya merujuk kepada kajian-kajian sebelumnya.

Dalam meninjau kajian-kajian lalu terhadap al-Hallaj selaku tokoh Sufi terawal yang membahas secara rinci melalui penulisan mengenai *wahdat al-adyan*, sumbangan Louis Massignon (1883M-1962M) sebagai pelopor dalam kalangan orientalis yang meneliti perkembangan awal Tasawuf dan khususnya

terhadap figura kontroversi ini adalah tidak dapat dinafikan mahupun dilupakan. Hal ini disepakati oleh Herbert Mason (Massignon 1994), George Makdisi (1957), R. Caspar (1988), Gerhard Bowering (1986), Todd Lawson (1997) dan Christopher Melchert (2000) yang senada dalam melahirkan kekaguman terhadapnya. Walaupun kajian beliau boleh dianggap sudah lama, namun ia sehingga kini tetap berkaitan dan penting lantaran hampir kesemua kajian-kajian berikutnya sehingga ke hari ini menjadikan dapatan Massignon sebagai rujukan terpenting. Ini kerana apa yang diusahakan beliau dianggap sebagai suatu kecemerlangan yang sukar ditandingi khususnya dalam mengemukakan kembali tulisan-tulisan yang disandarkan kepada al-Hallaj yang sebelum itu hampir lenyap di samping merintis kajian moden terhadap tokoh-tokoh Tasawuf.

Jika dilihat kepada analisis Massignon (1922, 1994) terhadap pemikiran *wahdat al-adyan* al-Hallaj, terdapat beberapa perkara yang menarik perhatian beliau. Antaranya ialah sinkretisme atau percampuran istilah yang diguna pakai oleh al-Hallaj yang berasal dari pelbagai aliran pemikiran Islam mahupun bukan Islam dengan melakukan interiorisasi atau peminjaman istilah-istilah Muktazilah dan Syiah dalam pemikiran Sunni, mahupun konsep-konsep agama lain dalam ajaran Islam. Kaedah peminjaman ini menurut Massignon membentuk sikap universalisme atau kesejagatan al-Hallaj dalam menghadapi keberagaman agama. Massignon (1994: 316) juga turut menjelaskan bahawa gagasan kesatuan agama al-Hallaj berakar umbi daripada tawhid walaupun seringkali dianggap oleh sesetengah pihak sebagai bertentangan lantaran zahir pemahaman secara kasar yang tidak memungkinkan tawhid yang memperakui keesaan Tuhan untuk disepadukan dengan perakuan bahawa Tuhan ‘hadir’ dalam semua agama.

Nama terakhir dalam senarai ini ialah sarjana Perancis, Rene Guenon (1886-1951M) yang juga dikenali dengan ‘Abd al-Wahid Yahya. Beliau merupakan tokoh yang sangat tepat dinobatkan sebagai pentajdid pemikiran *wahdat al-adyan*. Walaupun sesetengah sarjana kurang berminat untuk meletakkan ‘pengamal’ dan ‘pengikut’ dalam kerangka pengkaji-pengkaji lepas atas dasar objektiviti, namun adalah suatu kekurangan untuk tidak menyebutkan nama sarjana hebat ini yang bukan sahaja memahami intipati gagasan kepelbagaian agama para Sufi, malah mengaplikasikannya sebagai suatu metode dalam perbandingan agama yang berdiri dengan sendiri. Dalam konteks sebagai pengkaji, beliau adalah yang pertama dengan bersungguh-

sungguh mengambil peduli mengenai pemikiran *wahdat al-adyan* yang dibawa oleh para Sufi. Walaupun demikian, pembawaan beliau sebagaimana pandangan Smith (2009) dan °Abduh (2014) dilihat lebih sebagai seorang ‘guru’ berbanding seorang pengkaji akademik sebagaimana amalan lazim para orientalis mahupun ilmuwan moden. Kemungkinan atas kemasukannya ke dalam Islam dan juga pencarian kerohanian yang mendasari perjalanan hidup beliau menyebabkannya cenderung kepada pendekatan yang turut menekankan nilai subjektif dengan tujuan mendidik khalayak sebagaimana lazim dalam tradisi kesarjanaan Islam. Dalam kerangka kelangsungan wacana *wahdat al-adyan*, Jika sebelum ini, *wahdat al-adyan* hanyalah sebuah gagasan teoretikal dan konseptual yang hanya menjawab persoalan mengapa, Guenon memajukan pemikiran Tasawuf dengan lebih kehadapan dalam kerangka yang lebih praktikal yang menjawab persoalan bagaimana. Justeru, Guenon dalam konteks ini dilihat telah menjadikan *wahdat al-adyan* sebagai suatu pengkajian agama yang saintifik melalui pendekatan tasawuf yang unik.

Menariknya, Guenon adalah seorang pengkaji agama dalam kehidupannya sendiri. Beliau mengembara, meneliti, memahami, menyertai dan merasai pengalaman beragama bersama pelbagai komuniti agama dalam pelbagai episod pengembaraan kerohanian bagi mencari kebenaran yang hakiki. Ini termasuklah kumpulan Mistisisme Kristian, Okkultisme, Freemason, Spiritualisme, Masonisme, Gnostisisme, Teosofisme, dan ahli falsafah di samping agama Hindu, Buddha, Tao, Konfusius, dan kepercayaan Cina sehingga akhirnya beliau menemui Islam (°Abd al-Halim Mahmud 1968; Chacornac 2005; Waterfield 2002). Walaupun tiada nukilan secara langsung kepada ungkapan para Sufi mengenai *wahdat al-adyan* dalam karya-karyanya sebagaimana lazim dalam pendokong gagasan ini, namun Guenon yang mendapat didikan gurunya, Shaykh °Abd al-Rahman °Alish mengenai pemikiran Ibn °Arabi (°Abd al-Halim Mahmud 1968), telah menterjemahkannya dalam bentuk yang lebih praktikal bagi mengkaji dan membanding agama. Boleh dikatakan kesemua karyanya menyinggung mengenai Perbandingan Agama. Namun yang mungkin dapat dipersempitkan dan dianggap paling dekat secara akademik dalam kelompok pengkajian agama serta jelas memaparkan metodologinya ialah *Introduction générale à l'étude des doctrines hindoues, Le Théosophisme – Histoire d'une pseudo-religion, L'erreur spirite, L'homme et son devenir selon le Védānta, Le symbolisme de la croix, Les états multiples de l'Être, Aperçus sur l'initiation, La Grande Triade, Initiation et réalisation*

spirituelle, Aperçus sur l'ésotérisme chrétien, Études sur la Franc-Maçonnerie et le Compagnonnage, Études sur l'Hindouisme dan Aperçus sur l'ésotérisme islamique et le Taoïsme.

Rene Guenon (1975: ix) menjelaskan bahawa dalam segala karyanya dalam Perbandingan Agama khususnya bermula dengan *L'homme et son devenir selon le Védānta*, beliau cuba membentuk suatu pengkajian yang memberi pengetahuan yang langsung mengenai agama-agama khususnya dalam aspek metafizik yang mengandungi hikmah-hikmah tersebut dan menjadikannya dapat difahami dan bermanfaat. Dalam masa yang sama juga, beliau menekankan pentingnya ketetapan akidah yang benar dalam membanding agama. Malah perbandingan agama tersebut mengukuhkan lagi ketetapan tersebut. Walaupun demikian, perbincangan mengenai hikmah tidak harus dibataskan dalam suatu bentuk tradisi semata-mata supaya dapat memahami kesatuan dan keberagaman yang wujud antara agama. Ini adalah apa yang dapat difahami dengan maksud prinsip keadilan serta tidak memihak dalam etika Perbandingan Agama dan segala ilmu lain yang sering disalahfaham oleh sesetengah pengkaji yang terpengaruh dengan budaya akademik tidak bertuhan yang meletakkan tembok antara kepercayaan diri dan kepercayaan yang dikaji. Demikian juga murid kanan Rene Guenon, Frithjof Schuon (1907-1998M) yang turut dikenali sebagai °Isa Nur al-Din boleh dianggap sebagai pengembang utama pemikiran-pemikiran gurunya ini serta memasyhurnya di dunia Barat. Malah legasi dan pengaruh beliau lebih meluas seiring dengan perkembangan idea-idea Guenon yang semakin diambil perhatian sehingga membentuk jaringan keilmuan yang tersendiri. Malah istilah *wahdat al-adyan* atau yang disebutnya sebagai *transcendental unity of religions* (Schuon 1975) kembali dimasyhurkan olehnya bagi merujuk kepada gagasan ini, atau sekurang-kurangnya mula digunakan dalam konteks kajian sarjana-sarjana Barat.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, penerokaan terawal para sarjana khususnya daripada Barat mengenai *wahdat al-adyan* dilihat sebagai salah suatu penemuan yang mengkagumkan mereka dalam usaha-usaha mereka memahami Tasawuf melalui karya-karya kesusasteraan Sufi yang dihasilkan oleh tokoh-tokoh besar Tasawuf yang dikenali banyak mengutarakan pernyataan-pernyataan ke arah kesatuan antara agama. Ia telah menjadi suatu perkara yang mengujakan

para sarjana untuk merungkai pemahaman terhadap gagasan istimewa ini. Keterujaan ini juga dilihat sebagai salah satu sumber inspirasi kepada pengkaji masa kini dalam membentuk naratif terkini mengenai kepelbagaian agama.

Dari satu dapatan ke satu dapatan dan dari satu pengkaji ke satu pengkaji, pemahaman para sarjana diperhatikan berkembang dengan baik walaupun banyak terdapat kekeliruan dalam menjelaskan makna gagasan ini dan kedudukannya dalam sistem pemikiran Tasawuf yang rumit. Keadaan ini juga dalam masa yang sama sedikit sebanyak mempengaruhi corak pewacanan para sarjana terawal yang masih belum mapan. Meskipun pengkajian semakin meluas dan banyak, namun belum ada mana-mana kajian ilmiah yang menumpu secara khusus serta benar-benar merinci dan mendalam, sekurang-kurangnya dalam tempoh yang dibataskan dalam penulisan ini. Oleh yang demikian, adalah suatu usaha yang penting supaya kajian-kajian dalam bidang ini dalam pelbagai sudut berkaitan dapat dikembangkan supaya gagasan ini dapat difahami oleh khalayak yang lebih luas sekaligus dapat menjadi asas kepada keharmonian hidup dalam masyarakat pelbagai agama.

PENGHARGAAN

Tulisan ini adalah sebahagian daripada penyelidikan peringkat kedoktoran di Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia yang ditaja oleh Skim Latihan Akademik Bumiputera, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

RUJUKAN

- °Abd al-Halim Mahmud. 1968. *Al-Madrasah al-Shadhuliyah al-Hadithah wa Imamuha Abu al-Hasan al-Shadhuli*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Hadithah.
- °Abduh, Khalid Muhammad. 2014. Min Rumuz al-°Ilm al-Muqaddas René Guénon. Kataba. Atas talian. <http://www.kataba.org-rene-guenon>. Diakses pada: 10 Ogos 2018.
- Abu Nu°aym, Ahmad bin °Abd Allah al-Isfahani. 1996. *Hilyat al-Awliya wa Tabaqat al-Asfiya*. Jil. 10. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Biqā°i, Burhan al-Din. 1980M. *Masra° al-Tasawwufaw Tanbih al-Ghabiyy fi Takfir Ibn °Arabiyy wa Yalihi Kitab Tahdhir al-°Ibad min Ahl al-°Inad bi Bid°at al-Ittihad*. Sunt. °Abd al-Rahman al-Wakil. Beirut: Dar al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- Böwering, G. 1986. (Ulasan Buku) Louis Massignon. The Passion of al-Hallaj: Mystic and Martyr of Islam. Terj. & Sunt. Herbert Mason. *Journal of the American Oriental Society* 106(2)(Apr-Jun): 377-378.
- Browne, E. G. 1956-1959. *A Literary History of Persia*. 4 Jil. London: Cambridge University Press.
- Caspar, R. 1988. Muslim Mysticism: Tendencies in Recent Research Dlm. *Studies in Islam*, disunting oleh M. L. Swartz, 164-184. New York: Oxford University Press.
- Chacornac, P. 2005. *The Simple Life of René Guénon*. Terj. Cecil Bethell. New York: Sophia Perennis.
- Diwan, °Abd al-Hamid. 2009M. *Al-Hallaj bayn al-Tasawwuf wa al-Falsafah: al-Wilayah wa al-Ghiwayah*. Halab: Dar al-Nahj li al-Dirasat wa al-Nashr wa al-Tawzi°.
- Ernst, C. 1997. *Sufism: An Essential Introduction to the Philosophy and Practice of the Mystical Tradition of Islam*. Boston: Shambhala Publications.
- Gibbon, E. 1788. *The History of the Decline and Fall of the Roman Empire*. Jil. 5. London: A. Strahan & T. Cadell.
- Goldziher, I. 1981. *Introduction to Islamic Theology and Law (Vorlesungen uber den Islam)*. Terj. Andras & Ruth Hamori. Princeton, New Jersey: Princeton University Press.
- Guenon, R. 1975. *Symbolism of the Cross*. London: Luzac & Company Ltd.
- Ibn °Arabi, Muhy al-Din Muhammad bin °Ali. 1313H. *Kitab Dhakha'ir al-°Ilaq Sharh Tarjuman al-Ashwaq*. Beirut: al-Matba°ah al-Ansibah.
- Ibn °Arabi, Muhy al-Din Muhammad bin °Ali. 2005. *Diwan Tarjuman al-Ashwaq*. Beirut: Dar al-Ma°rifah.
- Ibn °Arabi, Muhy al-Din Muhammad bin °Ali. 2016. *Fusus al-Hikam*. Syarah oleh °Abd al-Raziq al-Qashani. Kaherah: Dar Afaq li al-Nashr wa al-Tawzi°.
- Lawson, T. 1997. (Ulasan Buku) Louis Massignon. The Passion of al-Hallaj: Mystic and Martyr of Islam. Terj. & Sunt. Herbert Mason. *International Journal of Middle East Studies* 29(2)(May): 280-281.
- Makdisi, G. 1957. (Ulasan Buku) Louis Massignon. Hocein Mansur Hallaj: Diwan. *Journal of the American Oriental Society* 77(2) (Apr-Jun): 159.
- Massignon, L. 1922. *La Passion d'al-Hosayn-ibn-Mansour al-Hallaj: Martyr mystique de l'islam*. Paris: Librairie Orientaliste Paul Geuthner.
- Massignon, L. 1994. *The Passion of al-Hallaj: Mystic and Martyr of Islam*. Terj. & Sunt. Herbert Mason. Bollingen Series XCVIII. New Jersey: Princeton University Press.
- Massignon, L. & Kraus, P., sunt. 1936. *Akhbar al-Hallaj*. Paris: Au Calame and Larose.
- Melchert, C. 2000. (Ulasan Buku) Mary Louise Gude. Louis Massignon: The Crucible of Compassion. *Journal of Near Eastern Studies* 59(4) (Oct): 276-277.
- Nicholson, R. A. 1911. *The Tarjuman al-Ashwaq: A Collection of Mystical Odes by Muhyi'ddin ibn al-'Arabi*. Oriental Translation Fund New Series Vol. XX. London: Royal Asiatic Society.
- Nicholson, R. A. 1914. *The Mystic of Islam*. London: G. Bell & Sons Ltd.

- Nicholson, R. A. 1967. *Studies in Islamic Mysticism*. Edisi kedua. London: Cambridge University Press.
- Redhouse, J. W. 1881. *The Mesnevi Mevlana Jelalu-'d-Din, Muhammed, er-Rumi: Book the First*. London: Trubner & Co.
- Said, E. 1979. *Orientalism Western Conceptions of the Orient*. New York: Vintage Books.
- Schimmel, A. 1982. *As Through a Veil: Mystical Poetry in Islam*. New York: Columbia University Press.
- Schuon, F. 1975. *The Transcendent Unity of Religions*. New York: Harper & Row Publishers Inc.
- Shabestari, M. t.th. *Gulshan-i-Raz*. Sunt. Amir Husayn Khunji. t.tp.: t.pt.
- al-Shibi, Kamil Mustafa. 1974. *Sharh Diwan al-Hallaj*. Beirut: Maktabah al-Nahdah.
- Smith, H. 2009. *The World's Religions*. New York: Harper Collins.
- Surur, Taha °Abd al-Baqi. 1969. *Al-Husayn bin Mansur al-Hallaj: Shahid al-Tasawwuf al-Islami*. Kaherah: Dar Nahdah Misr li al-Tab° wa al-Nashr.
- al-Wakil, °Abd al-Rahman. 1984. *Hadhihi Hiya al-Sufiyyah*. Ed. ke-4. Beirut: Dar al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- al-Wakil, °Abd al-Rahman. 2010M/1432H. *Majmu°ah Maqalat al-°Allamah °Abd al-Rahman al-Wakil*. Susunan Sha°ban °Abd al-Majid °Abbas & Muhammad °Awd °Abd al-Ghani al-Misri. Ain Shams, Kaherah: Dar Sabil al-Mu'minin li al-Nashr wa al-Tawzi°.
- Waterfield, Robin. 2002. *René Guénon and the Future of the West*. Ed. ke-2. New York: Sophia Perennis.
- Whinfield, Edward Henry. 1880. *Gulshan I Raz: The Mystic Rose Garden of Sa'd ud Din Mahmud Shabistari*. London: Trübner & Co.
- Whinfield, E. H. 1898. *Masnawi i Ma'navi: The Spiritual Couplets of Maulana Jalalu-d-din Muhammad Rumi*. Trubner's Oriental Series. Ed. ke-2. London: Kegan Paul, Trench, Tubner & Co. Ltd.
- Wilson, C. E. 1910. *The Masnavi by Jalalu 'd-Din Rumi Book II*. Probsthain's Oriental Series Vol. III. Jil. 1 & 2. London: Probsthain & Co.

Yusri Mohamad Ramli, MA
 Pusat Akidah dan Keamanan Global
 Fakulti Pengajian Islam
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi
 Selangor Darul Ehsan
 Email: yusri_mr@ukm.edu.my

Mohd Syukri Yeoh Abdullah, PhD
 Institut Alam dan Tamadun Melayu
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi
 Selangor Darul Ehsan
 Email: syukri@ukm.edu.my

